

# Qalam

Majalah bulanan Melayu terbit tiap-tiap awal bulan Masihi.

Bilangan 16 – November 1951 – Senaskah 60 sen.

## KESAN YANG NYATA

Perkara yang terjadi dalam bulan yang lalu yang sangat menyedihkan dan mendukacitakan ialah atas pembunuhan yang berlaku ke atas Sir Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi British di Persekutuan Tanah Melayu yang telah menjadi korban keganasan penjahat-penjahat di Malaya. Atas hilangnya Sir Henry Gurney kita mengucapkan takziah kita serta duka cita kita atas kejadian yang menyedihkan itu dengan berharap kiranya Lady Gurney serta keluarganya sabar dengan kejadian itu.

Kehilangan Sir Henry Gurney bermakna kehilangan seorang yang utama di Persekutuan Tanah Melayu yang telah bekerja dengan tegas dan berani untuk berikhtiar mengamankan negeri-negeri Melayu yang dengannya didapati tidak berhati-hatinya ia melawat ke sana ke mari walaupun ia mengetahui bahawa harus terjadi sesuatu bahaya atas keselamatannya namun kewajipan itu ditunaikannya juga dengan tujuan yang satu iaitu keamanan dan kesejahteraan penduduk-penduduk yang di bawah pentadbirannya.

Bagi kita, dengan tidak payah berselindung lagi bahawa kejahatan yang dilakukan itu tidak lain ialah dilakukan oleh mereka-mereka terutamanya daripada anak-anak dagang yang telah dipengaruhi oleh anasir komunis yang dari satu masa ke suatu masa telah mengharungi dari satu tempat ke suatu tempat melakukan keganasan dan paksaan untuk mendirikan segala cita-cita dan maksud mereka – kekerasan dan keganasan yang mana mengikut ajaran-ajaran kita orang Islam adalah patut dijauhi dan tidak patut dilakukan

oleh kerana kesejahteraan dan keamanan itu ialah punca tajaan Islam bahkan telah sebat dengan jiwa orang Islam yang sebenar tidak melakukan sesuatu kecerobohan yang sedemikian itu keadaannya.

Pepatah Melayu telah mengatakan bahawa tiap-tiap bencana itu ada gunanya dan bencana yang telah menimpa diri Sir Henry Gurney itu sekalipun besar maknanya tetapi di situ patut diperhatikan bahawa bagaimana kedudukan anak-anak dagang dan bagaimana sebahagian daripada mereka itu yang di luar nampaknya menjadi penyokong-penyokong yang bermuka yang harus menjadikan tanda bahawa benar sebagaimana tuduhan Amerika yang mengatakan bahawa self-claim daripada anasir-anasir yang haram itu adalah banyak diikuti dan dijalankan oleh orang-orang China seberang laut yang berada di merata-rata tempat. Tuduhan ini telah menjadikan mereka itu naik berang tetapi, dengan kerana kita cukup bergaul dan berkumpul dengan mereka itu, maka kalau tidak banyak sedikit tentulah tuduhan itu benar dengan kerana tabiat dan akhlak mereka itu sebagai pucuk rhu ke mana angin bertiup ke situ dia mengikut dan dengan sebab itulah kecemburuan kepada mereka itu wajib dan mesti diadakan sekalipun ke atas diri orang-orang yang tenang dan yang tidak menunjukkan riak bak kata jangan disangka air yang tenang itu tidak ada buaya.

Di dalam kejadian-kejadian yang sedemikian ini juga disambung pula dengan kejadian pembunuhan ke atas almarhum Liaquat Ali Khan yang telah terbunuh pada 16 Oktober di Rawalpindi, menurut pandangan kita tidak lain keadaannya daripada perbuatan anasir-anasir komunis oleh kerana di dalam pengajaran Islam tidak akan membuat sesuatu yang sedemikian itu dikecualikan oleh mereka-mereka yang sesat jalan, mereka-mereka yang tidak cukup mengetahui keadaan pengajaran yang sebenarnya.

Dengan sebab itu sepatutnya kerajaan di dalam Semenanjung Tanah Melayu ini hendaklah membuat usaha yang tegas, ikhtiar yang nyata untuk menjauhkan orang-orang Melayu (Islam) daripada dipengaruhi oleh anasir-anasir jahat yang tersebut, jalannya tidak

**BUNGA RAJAH PERFUME**

**YANG MENAWAN HATI  
AIR WANGI BUNGA RAJA**

水香王花  
பூக்கொடி வாழை  
ബാലമുഖ

**ROBINSON & CO., LTD.**  
Raffles Place, Singapore.

Harga \$3.00 Sebotol  
Boleh didapati daripada:

(Tertubuh di Singapura)

lain melainkan hendaklah mereka itu digalakkan beragama dan memberi siaran-siaran yang lebih luas dan terang tentang bahaya-bahaya anasir-anasir itu kepada agama Islam dan bagaimana pertentangan-pertentangan yang terang dan nyata diantara dasar Islam dengan anasir yang jahat itu dengan keterangan-keterangan yang ma'qul yang dengannya akan nyata bahawa apabila diberi pengertian yang tepat dan nyata itu sudah tentu insya-Allah mereka itu akan jauh daripada anasir yang tersebut bahkan mereka akan menjadi lawan yang utama kepada faham-faham yang haram itu.

Sekiranya kerajaan menyelidiki dengan nyata bahawa walaupun ada orang Islam bercampur di dalamnya yakni bercampur mengikut lenggang dan lenggok anasir yang tersebut maka yang demikian tidak lain tekbitnya ialah oleh kerana kurang pengetahuan dan kurang faham tentang tujuan dan pengajaran agamanya terutamanya pula anasir-anasir itu selalu memberikan fahaman-fahaman dengan berselindung dengan menggunakan topik agama ke atas mereka itu sehingga orang yang kurang

pengetahuan itu mudah tertarik atau terbawa oleh anasir jahat itu. Ini bertambah lagi sekiranya orang itu tidak berpengetahuan agama – berkulit sahaja beragama Islam tetapi tidak berpengetahuan langsung – sudah tentu lebih mudah dipengaruhi oleh kerana ia hanya dapat membaca dalam bahasa Inggeris sahaja sedang buku-buku agama di dalam bahasa Inggeris boleh dikata tidak ada langsung.

Inilah dia perkara yang sangat mustahak, inilah dia perkara yang patut diperhati oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu iaitu hendaklah di dalam Persekutuan Tanah Melayu itu diadakan pelajaran-pelajaran yang tepat dan nyata tentang pengajaran-pengajaran Islam dan di sebelah itu mengadakan siaran utama memahamkan perbezaan di antara pengajaran Islam dengan pengajaran komunis yang pada sekali imbas keadaannya tidak banyak berbeza tetapi sebenarnya perbezaannya adalah di antara bumi dengan langit adanya.